

**NO. SOALAN: 63**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. MANSOR BIN ABD RAHMAN [ SIK ]**

**TARIKH : 19 MEI 2015**

**RUJUKAN : 7858**

**SOALAN:**

**Dr. Mansor bin Abd Rahman [ Sik ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berikutan kepada peningkatan jumlah penduduk di Malaysia, apakah langkah-langkah tambahan diambil untuk menjaga keamanan rakyat, contohnya adakah jumlah polis yang ditugaskan bertambah di sesuatu kawasan dengan kadar jenayah yang tinggi.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Kementerian dan PDRM sentiasa komited untuk menentukan keselamatan dan ketenteraman awam sentiasa terjamin walaupun kadar pertumbuhan penduduk dalam negara sentiasa menunjukkan peningkatan. Di bawah inisiatif *National Key Result Area (NKRA)*, Kerajaan telah meletakkan sasaran untuk menurunkan kadar jenayah seluruh negara sebanyak 5% setahun. Dalam mencapai objektif ini, pihak PDRM menjalankan beberapa strategi dalam usaha mencegah jenayah, di antaranya seperti berikut:-

- 1) Sebagai usaha yang lebih berkesan dan memberi impak yang menyeluruh terhadap aktiviti pencegahan jenayah khususnya untuk jenayah berat dan terancang, PDRM telah menubuhkan pasukan khas iaitu *Special Task Force on Organised Crime (STFOC)*, *Special Tactical Intelligence Narcotics Group (STING)* dan *Special Task Force For Anti Vice, Gaming and Gangsterism (STAGG)* untuk memerangi jenayah berat seperti pengedaran dadah, perjudian dan maksiat yang berlaku dalam negara.
- 2) Tindakan fizikal iaitu mengadakan rondaan jalan kaki dan berkereta di kawasan-kawasan tumpuan ramai dan tindakan '*stop and talk*' adalah dilihat berkesan. Kehadiran anggota beruniform di kawasan-kawasan yang strategik bersesuaian dengan konsep

**"Police Omnipresence" akan menjadi penghalang kepada penjenayah untuk melakukan jenayah.**

- 3) Dalam usaha memerangi jenayah, PDRM telah mewujudkan Unit Risikan Bersepadu (*Central Intelligence Unit - CIU*) dengan menggunakan konsep "*Intelligence Lead Policing*" sebagai pusat pengumpulan maklumat dan risikan jenayah. Risikan dan analisis jenayah yang dijalankan akan digunakan untuk mengesan dan menangkap penjenayah atau merancang tindakan pencegahan jenayah yang lebih efektif.**

**Di samping tindakan pencegahan, pihak PDRM juga membuat kajian mengukuhkan perjawatan di balai-balai polis serta di Ibu Pejabat Polis Daerah di seluruh Semenanjung, Sabah dan Sarawak berdasarkan kepada kedudukan balai berkenaan serta fungsi dan beban tugas yang dipikul oleh balai berkenaan mengikut kategori berikut:-**

- i) Balai Polis Metropolitan**
- ii) Balai Polis Bandar**
- iii) Balai Polis di luar Bandar**
- iv) Balai Polis di Pulau-pulau**
- v) Balai Polis di Sempadan Antarabangsa**
- vi) Balai Polis di Lapangan Terbang (antarabangsa dan domestik) serta di Pelabuhan-pelabuhan**

vii) Balai Polis di Kawasan Pendalaman, Kawasan Felda, Perkampungan Orang Asli, kampung-kampung baru dan sebagainya.

Faktor-faktor yang akan diambil kira adalah seperti berikut:-

- i) Faktor sosial ekonomi, dilihat dari segi pekerjaan, tahap ekonomi penduduk, kawasan industri, kawasan perbankan dan lain-lain lagi.
- ii) Faktor kompleksiti penugasan, dengan mengambil kira perkara-perkara yang perlu ada dalam mewujudkan sebuah balai atau ibu pejabat polis iaitu mesti ada (*Must have*), patut ada (*Should have*) dan elok jika ada (*Nice to have*).
- iii) Faktor penduduk iaitu berpandukan kepada jumlah penduduk, komposisi kaum dan taburan penduduk.

Selain daripada kajian pengukuhan perjawatan, kajian tersebut juga mengambil kira bebanan kewangan yang akan ditanggung oleh Kerajaan dari segi emolumen serta keperluan logistik yang lain.